



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	3/9/2019	MUKA SURAT	: 17
JABATAN	:	UMUM		
KLASIFIKASI	:	MAKLUMAN		

**Kuala Lumpur:** Berbanding kebanyakan lokasi tarikan pengunjung yang biasa terlintas di fikiran, sebahagian warga kota memilih meluangkan cuti panjang hujung minggu mereka untuk menghirup udara segar hutan belantara yang masih terpelihara di ibu negara.

Antaranya, Taman Eko Rimba KL yang membawa pengunjung menyusuri perut Hutan Simpan Bukit Nanas yang terletak bersebelahan Menara Kuala Lumpur.

Menjangka pusat beli-belah akan padat dengan orang ramai, Mohd Hanafy Anas, 41, memilih membawa keluarganya menikmati kesegaran hutan bagi mengisi cuti panjang hujung minggu mereka semalam.

Selain tiada bayaran masuk, taman rimba berkenaan sesuai bukan saja untuk dewasa malah kanak-kanak berikutan saiznya lebih kecil dan kurang curam.

"Anak saya menduduki UPSR (Ujian Pencapaian Sekolah Rendah) tidak lama lagi, jadi saya cuba aktiviti berbeza yang lebih sihat dan segar untuknya.

"Untuk dua minggu (cuti panjang hujung minggu) akan datang, saya bercadang membawa mereka ke sini lagi menyusuri laluan keluar Jalan Raja Chulan pula memandangkan hari ini kami gunakan susur Jalan Ampang," katanya.

Bagi jururawat, Siti Nur Hafizah Mazlan, 22, dia sememangnya gemar melakukan pendakian bersama rakan justeru aktiviti itu bukanlah kali



WARGA kota dan pelancong mengisi masa dengan melawat Hutan Simpan Bukit Nanas.

pertama dilakukan.

"Ini kali kedua saya ke sini (Taman Eko Rimba KL). Daripada duduk saja di rumah, lebih baik datang ke

sini. Nak ke pusat beli-belah orang ramai sangat.

"Kami mula datang ke sini selepas melihat gambar tempat ini di media sosial.

Kami memang suka bergambar, jadi kami habiskan masa sejam untuk jalan-jalan di sini sambil ambil gambar," katanya.

Sementara rakannya, Nor Farhanah Mohd Yusop, 22, menyifatkan meluangkan masa di hutan lebih memberi ketenangan dan kelainan dalam aktiviti seharian.

Tinjauan Harian Metro mendapati jam 9 hingga 10 pagi antara waktu puncak di kawasan terbabit yang meliputi pelbagai kumpulan pengunjung termasuk keluarga, rakan mahupun pelancong.

Dalam pada itu, Harian Metro turut meninjau beberapa pusat beli-belah terkemuka ibu kota yang rata-ratanya tetap dipenuhi pengunjung.

Malah kesesakan dapat dilihat seawal di laluan masuk tempat letak kereta yang bergerak perlahan, majoriti pengunjung mungkin memanfaatkan hari cuti terakhir mereka untuk urusan beli-belah mahupun riadah sebelum kembali bekerja hari ini.



SITI Nur Hafizah



NOR Farhanah



AKTIVITI riadah bersama keluarga beri ketenangan.